

25 JAN 2002

Ling-UTAR/I

SARJANA ANTARABANGSA AKAN KETUAI JAWATANKUASA PENASIHAT UTAR

PETALING JAYA, 25 Jan (Bernama) -- Sarjana antarabangsa terkemuka, Prof Wang Gungwu dijangka akan mengetuai jawatankuasa penasihat akademik Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Dr Ling, yang juga merupakan presiden MCA, berkata Prof Wang merupakan seorang daripada sarjana terkemuka yang ditawarkan jawatan itu dan beliau dijangka akan menerimanya.

"Kami telah mengadakan perbincangan mendalam dengan beliau mengenai peranan yang beliau dapat mainkan dalam proses penyediaan UTAR dan beliau dijangka akan turut serta," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan reka cipta lambang UTAR di sini.

Dr Ling berkata penyertaan Prof Wang dalam UTAR akan memberikan imej akademik dan global kepada universiti itu serta membantu memandunya dalam mengambil pendekatan yang betul.

Prof Wang, dilahirkan di Surabaya, Indonesia, dan dibesarkan di Malaysia, merupakan tokoh dunia yang disegani dalam bidang pengajian Cina.

Beliau lulus ijazah doktor falasah (Phd) di University of London dan merupakan rakyat Malaysia pertama menerajui Kursi Sejarah di Universiti Malaya sebelum berpindah ke Canberra sebagai Profesor Sejarah Timur Jauh di Research School of Pacific Studies (RSPACS) di Australian National University pada 1968.

Prof Wang, yang kini merupakan pengarah Pusat Asia Timur, National University of Singapore, merupakan pengarah RSPACS dari 1975-1980, presiden Persatuan Kajian Asia Australia pada 1978-80 dan naib cancellor National University of Hong Kong dari 1985-93.

Dr Ling juga berkata jawatankuasa pemandu UTAR, yang beliau adalah pengerusinya, telah menyediakan sukatan pelajaran dan telah menyerahkannya kepada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi kelulusan pada Oktober tahun lepas.

Ditanya sama ada jawatan naib cancellor bagi universiti itu telah dipenuhi, beliau berkata tokoh akademik terkemuka tertentu yang sesuai bagi jawatan itu telah dikenal pasti tetapi keputusan masih belum dibuat.

Dr Ling juga berkata kerja-kerja mengubahsuai pejabat lama The Star Publications di Petaling Jaya sebagai kampus sementara UTAR berjalan mengikut jadual.

"Selama 30 tahun, masyarakat ini mempunyai impian untuk mempunyai universiti dan sekarang ia akan menjadi kenyataan menjelang 17 Jun," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk menyambut kumpulan pertama pelajar UTAR pada hari berkenaan, katanya.

Law Hong Kian, dari Rawang, menang hadiah pertama dan menerima RM8,000, Alec Loh Wei Shiong, dari Petaling Jaya memenangi hadiah kedua RM5,000 dan Liew Chin Wui dari Subang Jaya di tempat ketiga RM3,000.

Pertandingan reka cipta lambang UTAR yang dilancarkan pada 18 Okt tahun lepas dan ditutup pada 26 Nov tahun lepas telah menarik 3,017 penyertaan.

Daripada jumlah itu, 36 penyertaan disenarai pendek dan tujuh pemenang dipilih. Empat yang lain menang hadiah sagu hati.

-- BERNAMA

AT ZS RHM